

Rainwater Harvesting System in Engineering Centre Building



Rainwater Harvesting System in Digital Management and Development Centre (DMDC) Building



Rainwater Harvesting System in School of Microelectronic Engineering Building



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

## DITERBITKAN DENGAN KUASA

## GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

## PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56	TAMBAHAN No. 1
No. 2 17hb Januari 2013	PERUNDANGAN

Ps. P.U. 1.

### AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

### UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (NEGERI PERLIS) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri Perlis membuat Undangundang Kecil yang berikut:

### Nama

## 1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Negeri Perlis) (Pindaan) 2012.

### Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Negeri Perlis) 1993, yang disebut "Undang-undang Kecil ibu" dalam Undang-undang Kecil ini, dipinda dengan memasukkan selepas takrif "beban angin" takrif yang berikut:

' "SPAH" ertinya Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan';

### Pindaan undang-undang kecil 10

3. Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperenggan 10(1)(a)(ix) subperenggan-subperenggan baru yang berikut:

"(x) lokasi tangki air hujan;

- (xi) Elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAH) yang berkaitan perlulah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan bagi jenis-jenis bangunan seperti berikut:
  - (a) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH perlu dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m<sup>2</sup> sahaja; dan
  - (b) berhubung dengan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m<sup>2</sup>".

### Pindaan undang-undang kecil 25

4. Undang-undang Kecil ibu dipinda dalam subperenggan 25(1)(c) menggantikan perkataan "air dan elektrik" dengan perkataan-perkataan "air, elektrik dan komunikasi".

### Pindaan undang-undang kecil 27

5. Undang-undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan 27(1) dengan menggantikan perkataan "air dan elektrik" dengan perkataan-perkataan "air, elektrik dan komunikasi".

### Pindaan undang-undang kecil 115

6. Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 115 dengan undang-undang kecil baru seperti berikut:

### "Penutup Bumbung dan Saliran dengan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH)

115. (1) "Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palung dan SPAH (bagi bangunan yang dikehendaki untuk memasang SPAH) yang mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undangundang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikuti keperluan seperti berikut:

(a) air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam. Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapkan dengan suatu injap penahan aliran balik sehala atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225 mm di atas paras limpah tangki simpanan SPAH;

- (b) alur keluar SPAH hendaklah ditanda "Bukan untuk Tujuan Minuman atau Mandian" dengan jelas;
- (c) palung yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung; dan
- (d) paip air hujan hendaklah berwarna hijau.

Bertarikh 27 Disember 2012 [SUK.Ps. 02/007 Jld. 3; SUK.Ps. 05/392]

> Norazlan bin Yahaya Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis



Hakcipta Pencetak H PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tinda mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilautik).



DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD CAWANGAN ALOR SETAR BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB